

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PROF EMERITUS TAN SRI DATO' SERI DR.  
IBRAHIM SHAH BIN ABU SHAH**

**TARIKH : 16 DISEMBER 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 44**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan untuk memajukan dan menambahbaik system pengangkutan awam di seluruh Negara. Apakah sasaran penggunaan pengangkutan awam yang telah ditetapkan menjelang 2020 memandangkan bilangan kenderaan semakin meningkat.

**JAWAPAN:**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, bagi menambahbaik sistem pengangkutan awam negara di bandar dan di luar bandar, Kerajaan telah mengambil beberapa inisiatif merangkumi pelaksanaan serta pemantauan berterusan terhadap projek-projek pengangkutan awam, penjimatan kos kepada pengguna dan perluasan kawasan liputan rangkaian bas merangkumi bandar-bandar di seluruh negara, pengawalseliaan perkhidmatan teksi dan *e-hailing*.

2. Pada masa ini, terdapat tiga (3) projek pengangkutan awam berskala besar yang sedang dalam pembinaan di Lembah Klang. Projek-projek ini dijangka memberi manfaat pertumbuhan ekonomi di kawasan sekitar jajaran disamping meningkatkan penggunaan pengangkutan awam di Lembah Klang. Contohnya, MRT Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP) yang dijangka siap pada tahun 2022 akan memberi perkhidmatan di sepanjang koridor berkepadatan 2 juta penduduk bermula dari Sungai Buloh, menerusi Kuala Lumpur ke Putrajaya. Projek LRT3 pula yang menghubungkan Bandar Utama ke Klang, turut akan berintegrasi dengan jajaran MRT SBK di stesen Bandar Utama dan jajaran LRT Kelana Jaya di Stesen Glenmarie. Jajaran LRT3 yang dijangka siap pada tahun 2024 akan meningkatkan kecekapan perjalanan dan membantu mengurangkan kesesakan lalu lintas bagi 2 juta penduduk sepanjang koridor Bandar Utama-Klang yang ingin ke pusat bandar Kuala Lumpur. Pada 15 April 2019, Kerajaan telah mengumumkan untuk meneruskan projek Landasan Keretapi Pantai Timur (*East Coast Rail Link, ECRL*) dengan kos RM44 bilion, dijangka siap pada Disember 2026 dengan penjajaran semula laluan yang akan meliputi bandar-bandar di Selangor, Putrajaya, Negeri Sembilan, Pahang, Terengganu dan Kelantan.

3. Melalui penjimatan kos kepada pengguna pengangkutan awam, Kerajaan telah memperkenalkan Pas Bulanan Tanpa Had iaitu MY100 dan MY50 bagi semua perkhidmatan rel dan bas di bawah RapidKL sejak Disember 2018. Manakala bagi perkhidmatan KTM Komuter di Sektor Lembah Klang, Utara dan Selatan, pengguna boleh menikmati

diskaun tambang perjalanan sebanyak 20 peratus melalui penggunaan kad XTRA20 yang telah mula dijual pada harga RM5 di kaunter KTM Komuter sejak 1 April 2019. Ini secara langsung turut mengurangkan kos Rakyat menggunakan pengangkutan awam di Lembah Klang dan pelaksanaan diskaun 20% bagi kadar tambang Komuter juga dijangka akan meningkatkan prestasi '*load factor*' perkhidmatan KTM Komuter yang belum mencapai potensi penuh terutamanya di sektor Lembah Klang.

4. Bagi memastikan kesalinghubungan pengangkutan awam di kawasan bandar dan petempatan penduduk, Kerajaan juga telah menambahbaik liputan kawasan perkhidmatan pengangkutan awam. Sebagai contoh, Kerajaan telah menambahbaik liputan kawasan perkhidmatan bas percuma GoKL dengan memperkenalkan 3 laluan baru pada tahun 2019 iaitu Laluan Jingga (Titiwangsa-MINDEF), Laluan Merah Jambu (LRT Universiti-PPR Seri Pantai) dan Laluan Biru Firus (LRT Dato'Keramat-Flat Kelumpuk Bambu, Setiawangsa). Kerajaan juga sedang mengkaji perluasan kawasan liputan pengangkutan awam di negeri-negeri lain melalui kerjasama dengan Kerajaan Negeri.

5. Bagi memberikan kesaksamaan dan keseimbangan antara industri teksi dan industri *e-hailing*, Kerajaan telah merancang dan sedang melaksanakan penambahbaikan seperti (i) membuka semua jenama kenderaan dan pilihan model bagi kegunaan teksi, (ii) lanjutan tempoh pemeriksaan berkala PUSPAKOM dan pengurangan kos kepada pemandu, (iii) penggunaan tambang dinamik bagi perkhidmatan teksi yang mengambil penumpang melalui tempahan aplikasi *e-hailing* selain tambang meter secara "*street hail*", (iv) penetapan kadar komisen maksima 10 peratus oleh syarikat *e-hailing* kepada pemandu teksi bagi setiap trip, (v) memperkenalkan modul latihan bari kepada pemandu teksi yang ingin memohon lesen vokasional, dan (vi) menggalakkan pemandu teksi mencarum di dalam Skim Bencana Kerja Pekerjaan Sendiri di bawah PERKESO.

6. Bagi tahun 2019, Kerajaan telah menetapkan sasaran tahunan sebanyak purata harian 1.3 juta penumpang pengangkutan awam. Sehingga Oktober 2019, jumlah pengguna pengangkutan awam di Lembah Klang telah mencapai purata 1.3 juta pengguna sehari dan

**NO. SOALAN: 44**

jumlah ini telah mencapai sasaran 2019. Kerajaan percaya dengan adanya penambahan inisiatif/projek baru pengangkutan awam ini, jumlah pengguna akan meningkat dari masa ke semasa. Manakala sasaran bagi tahun 2020 belum ditetapkan.

Sekian, terima kasih.